



()dlm.MBIP(JKP)BPA
U.P/4
29 AUG 2019

Pengurus
Utusan Media Sales Sdn. Bhd.
No.24, Jalan Serampang
Taman Pelangi
80500 Johor Bahru.

No.Fax : 07-3310531

Tuan,

**MOHON BAGI DIKLANKAN KENYATAAN TENDER DI DALAM AKHBAR TEMPATAN –
UTUSAN MALAYSIA**

Adalah dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

- ... 2. Bersama-sama ini dilampirkan kenyataan tender bertarikh **02 SEP 2019** untuk diiklankan di dalam **UTUSAN MALAYSIA**. Sila majukan sebutharga / invois kepada pentadbiran ini untuk tindakan selanjutnya.
3. Kerjasama dari pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

HMA/mor *iklan tender*



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
KENYATAAN TAWARAN BIL.: 14 /2019

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari daripada tarikh tutup Tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Tender berikut:

Bil.	No. Tender	Tajuk Projek	Gred	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
1.	MBIP / T / 39 / 2019	PEMBELIAN PERALATAN KOMPUTER DAN KOMPUTER RIBA SERTA PENCETAK UNTUK KEGUNAAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI		KKM	210101 210102 DAN 210103	50.00

2. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan mulai 02 SEP 2019 hingga 25 SEP 2019 semasa waktu pejabat di Kaunter Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Am, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai, Johor.
3. Dokumen tender boleh diperolehi mulai 04 SEP 2019 hingga 25 SEP 2019 di Kaunter Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Am, Bangunan Kabin MBIP, dengan mengemukakan bayaran dokumentasi (tidak dikembalikan) dalam bentuk wang tunai.
4. Dokumen tender akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor/pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor/pembekal hendaklah membawa dokumen asal **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**.
5. Kontraktor/pembekal dikehendaki menyediakan satu salinan Surat Pendaftaran **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** semasa membuat pembelian dokumen tender.

6. Petender-petender yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat pada 04 SEP 2019
JAM 10.00 PAGI. Petender - petender adalah dikehendaki berkumpul untuk sesi taklimat di
25 SEP 2019. Kehadiran hanya diambil kepada kontraktor/pembekal
yang membawa Surat Pendaftaran Asal dan salinan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** yang
masih sah tempohnya.
7. Setiap tawaran tender hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2)** sampul surat berlakri (sealed).
- Sampul surat **PERTAMA - CADANGAN KEWANGAN**
 - Sampul surat **KEDUA - CADANGAN TEKNIKAL**
8. Pada sampul surat **PERTAMA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN KEWANGAN** manakala pada sampul surat **KEDUA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN TEKNIKAL**.
9. Petender **tidak dibenarkan** meletak sebarang nama, tanda atau logo syarikat pada **CADANGAN TEKNIKAL**.
10. Dokumen - dokumen lain yang tiada kaitan dengan **CADANGAN TEKNIKAL** bolehlah dihantar bersama dengan **CADANGAN KEWANGAN**.
11. Kedua - kedua sampul tersebut (**PERTAMA dan KEDUA**) kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (sealed)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di Unit Perolehan, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai sebelum atau pada tarikh 25 SEP 2019
jam **12.00** tengah hari

(DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.